

Headline	Rakyat nikmati rebat tarif elektrik RM5.4 bilion melalui ICPT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	871 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,119



## Rakyat nikmati rebat tarif elektrik RM5.4 bilion melalui ICPT

**KUALA LUMPUR 7 Julai** - Mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api dan Penjanaan atau *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) yang diperkenalkan oleh kerajaan sejak 2015 membolehkan rakyat menikmati rebat tarif elektrik berjumlah kira-kira RM5.4 bilion dalam tempoh Mac 2015 hingga Disember 2017.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang berkata, kerajaan turut membelanjakan kira-kira RM3.79 bilion dalam tempoh 2012-2017 bagi menampung kos bahan api dan memberi subsidi supaya pengguna di Sabah membayar kadar tarif yang lebih rendah daripada kos pembekalan elektrik sebenar.

Untuk makluman, mekanisme ICPT ini hanya dilaksanakan di Semenanjung.

“Untuk Program Rebate RM20, kerajaan membelanjakan sebanyak RM1.049 bilion sejak ia mula diperkenalkan pada Oktober 2008 hingga kini, dengan kerajaan membayar bil elektrik bagi pengguna yang menggunakan elektrik kurang daripada RM20 sebulan,” katanya pada program temu bual *Ruang Bicara* terbitan *Bername News Channel*.

Turut serta dalam program itu, Naib Presiden (Perancangan dan Ekonomi Kawal Selia) TNB, Datuk Roslina Zainal.

Sementara itu, dalam pengumuman mengenai penyelaras tarikh elektrik yang dibuat oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili pada 30 Jun lepas, kerajaan bersetuju membelanjakan sebanyak RM1.30 bilion untuk subsidi pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh antara Julai-Disember tahun ini.

Berdasarkan jumlah ini, Zaini berkata, rakyat akan membayar kadar tarif elektrik lebih rendah daripada tarif asas dengan kerajaan menampung surcaj sebanyak 1.02 sen sekilowatt (sen/kWj) di samping mengekalkan rebat sebanyak 1.52 sen/kWj, menjadikan jumlah rebat keseluruhan berjumlah 2.54 sen/kWj bagi tempoh tersebut.

Katanya, jumlah rebat yang lebih tinggi daripada tempoh se-



**Untuk Program Rebate RM20, kerajaan membelanjakan RM1.049 bilion sejak ia mula diperkenalkan pada Oktober 2008 hingga kini, dengan kerajaan membayar bil elektrik bagi pengguna yang menggunakan elektrik kurang daripada RM20 sebulan.”**

**DATUK SERI DR. ZAINI UJANG**  
Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

lum ini disebabkan peningkatan kos pembekalan elektrik berikutan kenaikan harga arang batu sebanyak 36 peratus, kemerosotan kadar tukaran mata wang asing kepada ringgit dan kenaikan harga gas berpaip.

Kerajaan, bagaimanapun memutuskan untuk menyerap kenaikan kos pembekalan elektrik ini supaya tidak membebankan pengguna, di samping mengekalkan rebat sedia ada sebanyak 1.52 sen/kWj yang telah diberikan sejak 1 Januari 2017.

“Rebat ini ditampung sepenuhnya menggunakan Dana Hasil Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Kuasa Bebas Generasi Pertama (Dana Penjimatan PPA),” katanya.

Dana Penjimatan PPA ditubuhkan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat menikmati penjimatan yang diperoleh hasil perbincangan semula kerajaan dengan penjana kuasa bebas (IPP) generasi pertama.

Dana itu yang berperanan sebagai ‘dana penstabil’ bertujuan memastikan kadar tarif elektrik tidak membebankan pengguna.

Sejak Mac 2013, penjimatan daripada pembayaran kapasiti yang lebih rendah ini disimpan oleh kerajaan untuk digunakan bagi mengurangkan impak kenaikan tarif elektrik, khususnya



**ZAINI UJANG**

Headline	Rakyat nikmati rebat tarif elektrik RM5.4 bilion melalui ICPT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	871 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,119

## FAKTOR TARIF ELEKTRIK TIDAK BERUBAH

### Kerajaan membelanjakan RM1.303 bilion

Untuk menampung surcaj  
sebanyak 1.02 sen/kWh



Kenaikan harga arang  
batu



Pengurangan subsidi  
gas

**RM** Kesan kadar tukaran wang  
asing terhadap ringgit


**RM523 juta**

Untuk mengekalkan rebat  
ICPT sebanyak 1.52 sen/kWh



**RM780 juta**

Jumlah rebat sebanyak  
2.54 sen/kWh



**RM1.303 bilion**  
Julai - Disember 2017

disebabkan turun naik harga bahan api.

“Kerajaan telah membuat deposit kepada Dana PPA sebanyak tiga kali ketika terdapat penjimatan dalam kos pembekalan elektrik, dan tindakan proaktif kerajaan itu membolehkan kenaikan kos tarif elektrik pada tempoh ini mampu ditampung oleh kerajaan.

“Bagaimanapun, memandangkan dana telah digunakan dalam jumlah yang besar iaitu sebanyak RM1.303 bilion, baki dana yang tinggal amat terhad dan dijangka tidak dapat berterusan menampung kenaikan kos pembekalan elektrik pada masa depan,” katanya.

Setelah ditolak rebat, sehingga Jun 2017, Zaini berkata, baki Dana PPA berjumlah RM490.41 juta, dan amat terhad dan dijangka tidak mencukupi untuk terus menampung pemberian rebat, khususnya jika kos pembekalan elektrik terus meningkat pada masa akan datang.

“Oleh itu, kenaikan kos pembekalan elektrik (selepas ini, sekiranya ada) perlu dilepaskan kepada pengguna,” katanya. - BERNAMA



DR. ZAINI UJANG bersama Roslina Zainal pada program temu bual *Ruang Bicara* terbitan *Bernama News Channel* yang disiarkan kelmarin.